

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 6 TAHUN 2025**

Tarikh : 25 Jun 2025 (Rabu)

Masa : 2.30 petang - 4.30 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JUN 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Jun 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang keenam bagi tahun 2025. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyampaikan Titah Diraja sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong.

DYMM Seri Paduka Baginda menitahkan penjawat awam supaya sentiasa mengutamakan kepentingan Negara serta rakyat. Sebagai jentera utama kerajaan, perkhidmatan awam perlu beriltizam untuk melaksana serta menterjemahkan semua dasar yang diputuskan oleh Kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara serta pegawai kerajaan harus memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah mengikut syarat serta peraturan ditetapkan dan bukan mengikut telunjuk orang politik. Wang negara yang menjadi amanah rakyat perlu dibelanjakan mengikut perancangan yang sudah disusun dan dibelanja dengan rapi.

Seri Paduka Baginda juga turut mengingatkan penjawat awam supaya memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan mengamalkan prinsip Rukun Negara kedua iaitu Kesetiaan kepada

Raja dan Negara. Kesetiaan bukan bermaksud menyembah, tetapi jujur dan amanah dalam memikul tugas dan tanggungjawab diberikan, serta tidak mengkhianati negara dan amanah rakyat. Baginda turut menggesa semua agensi penguat kuasa menjalankan tugas dengan penuh integriti supaya rakyat tidak hilang kepercayaan dan terus menghormati pakaian seragam yang dipakai.

- ii) Seterusnya perkongsian amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Y.Bhg Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz menerusi surat edaran bertarikh 19 Jun 2025 berkenaan Larangan Membuat Pernyataan Awam Di Bawah Sub Peraturan 19(1) dan 19(2) Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) menegaskan pegawai awam tidak boleh secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain mengeluarkan pernyataan awam melainkan jika mendapat kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus daripada Menteri.

Sehubungan itu, adalah dimohon semua pegawai awam memberi perhatian dan Ketua Jabatan merujuk surat edaran, menasihati serta memastikan pegawai Kementerian/Jabatan masing-masing agar berhemah dalam membuat apa-apa pernyataan, ulasan atau komen dan tidak sekali-kali menyebarkan maklumat palsu, berunsur hasutan, fitnah, provokasi, atau yang tidak dapat disahkan kebenarannya.

Sekiranya pegawai didapati melakukan kesalahan tersebut, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja.

- iii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang ke-15 tahun 2025 akan bersidang bermula 7 Julai 2025 sehingga 18 Julai 2025. Persidangan ini akan membincangkan dan meluluskan usul, rang undang-undang, serta isu-isu berkaitan Negeri Selangor dan merupakan platform penting untuk wakil rakyat membahaskan isu-isu yang melibatkan rakyat serta pembangunan Negeri Selangor. MBSJ sedang menyediakan maklum balas berkaitan pertanyaan-pertanyaan lisan dan bertulis yang diterima.

- iv) Seterusnya, Datuk Bandar memaklumkan bahawa Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) kepada organisasi yang menunjukkan pembudayaan integriti, tatakelola terbaik dan amalan antirasuah.

Terdapat 4 kategori anugerah iaitu Anugerah Platinum, Emas, Perak dan Gangsa. Tahun 2025 merupakan penyertaan ketiga MBSJ. Bermula tahun 2022 sebanyak 115 organisasi merangkumi sektor awam dan swasta telah menyertai AIGA dan MBSJ berjaya merangkul Anugerah Perak. Manakala pada tahun 2023, MBSJ telah berjaya merangkul Anugerah Emas.

Penilaian AIGA pada tahun ini melibatkan beberapa peringkat iaitu saringan, penilaian dalam talian serta penilaian di lapangan. MBSJ

telah berjaya melepasi Peringkat Saringan. Peringkat penilaian seterusnya secara dalam talian akan diadakan pada 15 Julai 2025 (Selasa).

Semoga komitmen dan iltizam daripada semua warga kerja MBSJ dalam menzahirkan usaha memperkasakan tata kelola, pengurusan organisasi terbaik, kepatuhan sistem kawalan dalaman serta peningkatan pengurusan dan pembudayaan integriti dapat melayakkan MBSJ memperoleh pencapaian yang lebih tinggi iaitu Anugerah Platinum.

- v) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSJ telah melaksanakan penilaian Star Rating bagi pemajuan berstrata di bawah kawasan pentadbiran MBSJ.

Setiap pangsapuri yang menerima penganugerahan ini dinilai melalui komponen penilaian yang telah ditetapkan oleh KPKT dan pada tahun 2024, MBSJ telah melaksanakan penilaian 'Star Rating' melibatkan 252 lot pemajuan.

Sebagai penghargaan kepada seluruh pembangunan berstrata, MBSJ akan mengadakan Majlis Anugerah Komuniti Strata (AKSARA) MBSJ 2024 - Penarafan Bintang Pengurusan JMB / MC pada 2 Julai 2025, hari Rabu bertempat di Mardhiyyah Hotel, Shah Alam.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bagi memastikan hala tuju MBSJ kekal relevan, MBSJ akan mengadakan Bengkel Pelan Strategik MBSJ 2026-2030 pada 7 hingga 8 Julai 2025. Bengkel ini akan melibatkan pegawai di setiap Jabatan dalam usaha merangka Pelan Strategik MBSJ yang baharu untuk tempoh 2026 hingga 2030 sebagai kompas pandu arah kepada warga kerja MBSJ dalam memastikan agenda merealisasikan impian 'Subang Jaya Gemilang Bersama' dapat dicapai.
- vii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkaitan demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-25 tahun 2025, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 1866 kes positif demam denggi. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 64.81% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2024 iaitu sebanyak 5303 kes.

Terdapat empat (4) Lokaliti Hotspot pada minggu Epid ke-25 ini. Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti melaksanakan pemeriksaan tempat pembiakan, semburan larvaciding dan pengwasapan ('fogging').

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes.

Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

Lokaliti hotspot epid 25 adalah di PJS 9/1 (Lagoon Perdana dan Rumah Kedai), PJS 11/26 (Sun-U Resident), Taman Puchong Perdana 4 (Flat Blok H-K) dan Kota Perdana KP 4 (Mawar Jaya) Blok A, B, C, D, E, F, G manakala lokaliti wabak tak terkawal adalah di Taman Sri Puchong dan Taman Equine (Jalan Putra Permai 9).

- viii) Datuk Bandar mengambil kesempatan mewakili warga kerja Majlis Bandaraya Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Awal Muharram yang akan disambut pada 27 Jun 2025, hari Jumaat bersamaan 1 Muharram 1447H. Hijrah bukan sekadar perubahan fizikal, tapi perubahan hati dan jiwa. Semoga tahun baru ini membawa keberkatan, rahmat dan kejayaan untuk MBSJ.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 27 Mei 2025 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 5/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2025 bertarikh 27 Mei 2025 (Selasa) disahkan tanpa pindaan. Walau bagaimanapun, Mesyuarat memutuskan perkara berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.6 & m/s 2	Datuk Bandar	Kawasan Saluran Paip Gas Petronas	Datuk Bandar memaklumkan bahawa sidang media laporan siasatan insiden Putra Height dijangka akan dibuat oleh YAB Menteri Besar Selangor pada akhir Jun 2025. Pihak Polis dalam peringkat akhir siasatan akan membuat pengorekan bagi mencari mesin yang hilang. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Kejuruteraan menyemak lokasi korekan adalah di bawah milikan MBSJ atau Petronas. Kawasan korekan perlu dikenal pasti, siapa agensi yang bertanggungjawab melaksanakan korekan serta kerja-kerja pengorekan ini

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				perlu mendapat kebenaran pihak DOSH. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2025 bertarikh 20 Mei 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 9 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 13 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Puan Lee Jen Uyin	-	Beliau mencadangkan supaya MBSJ mempunyai perancangan bagi projek EV Charger di kawasan pentadbiran MBSJ. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Perancangan Bandar menyegerakan projek perancangan pemasangan EV Charger di seluruh kawasan pentadbiran MBSJ. Lokasi cadangan pemasangan haruslah strategik seperti kawasan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				rawat dan rehat dalam kawasan MBSJ serta taman milik Majlis. Tempat EV Charger yang dibina perlu mempunyai logo MBSJ sebagai salah satu promosi Majlis. Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 13 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 13 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 16 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.3 & m/s 11	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Cadangan Tawaran Perkhidmatan Pengurusan Tempat Letak Kereta Pintar Kawasan MBSJ kepada Rangkaian Mesra Sdn.Bhd. dan Itmx System Berhad	Beliau memohon supaya MBSJ menangguh keputusan tawaran Perkhidmatan Pengurusan Tempat Letak Kereta Pintar Kawasan MBSJ kepada Rangkaian Mesra Sdn.Bhd. dan Itmx System Berhad untuk disemak dan dikaji semula. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat tidak bersetuju dengan permohonan menangguhkan tawaran Perkhidmatan Pengurusan Tempat Letak Kereta Pintar Kawasan MBSJ kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Rangkaian Mesra Sdn.Bhd. dan Itmx System Berhad. Ini adalah kerana keputusan penawaran ini telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 12/2025. Makluman
2.	Para 1.0 & m/s 2	Puan Lee Jen Uyin	MyKiosk 2.0	Beliau mencadangkan supaya pembinaan MyKiosk 2.0 melibatkan semua kawasan pentadbiran MBSJ. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan MBSJ telah membuat permohonan penambahan sebanyak 39 biji kiosk dan sekiranya diluluskan akan diedarkan ke lokasi-lokasi yang bersesuaian. Makluman

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 17 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 7.6 & m/s 19	Puan Suzanah Hanim Wong	Kertas Cadangan Penggantian Nama dan Penetapan Kadar Sewaan Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang Zhong Yuan Taman Universiti Indah dan Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang Seksyen 8, Seri Kembangan	Beliau memohon supaya tajuk kertas cadangan diubah kerana terdapat kesalahan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya tajuk kertas cadangan diubah. Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 17 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 18 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Makluman Berkaitan Status Terkini Tindakan Penguatkuasaan di bawah Seksyen 31 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) terhadap Kilang Syarikat Chip Ngai Engineering Works Sdn. Bhd. yang berlamat di Lot 7079, Batu 11, Jalan Balakong, 43300 Seri Kembangan Selangor

(Kertas Mesyuarat bil. 6/6/2025)

Kertas mesyuarat ini telah disediakan oleh Jabatan Undang-Undang dan dibentangkan oleh Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, Pengarah Undang-Undang.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Kertas Makluman Berkaitan Status Terkini Tindakan Penguatkuasaan di bawah Seksyen 31 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) terhadap Kilang Syarikat Chip Ngai Engineering Works Sdn. Bhd. yang berlamat di Lot 7079, Batu 11, Jalan Balakong, 43300 Seri Kembangan Selangor.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Sri Devi a/p Chenchiah, Ahli Majlis daripada Parti PKR.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

Tarikh Disediakan : 30 Jun 2025

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;



(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
5. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
6. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Chia Yew Ken - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "
12. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
13. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Tuan Ir. Balachandran Naicker | - | " |
| 15. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 18. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 19. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 20. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 21. | Encik Khairol Basri bin M. Arif | - | " |
| 22. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 23. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |
| 24. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|--|
| 25. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 26. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |
| 27. | Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 28. | Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik |

29. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CeO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
30. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
31. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
32. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K
Pengarah, Jabatan Hasil
34. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
35. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
37. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
38. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
39. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
41. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

42. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti
43. Encik Mohd Reyza bin Mazlan
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
44. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Audit Dalam
45. Encik Mohd Farkhi bin Mohd Noor
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

URUS SETIA

46. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Tah Yap Keong | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | Ahli Majlis |
| 4. | Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan | | |